


1. Bilik Tidur Saya

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

bilik tidur
mengongsi bilik
berwarna

katil dua tingkat
meja belajar
almari

Ini bilik tidur saya. Saya mengongsi bilik ini dengan adik saya Mail. Tembok bilik kami berwarna hijau.

Kami mempunyai katil dua tingkat. Saya tidur di bahagian atas dan Mail tidur di bahagian bawah.

Kami juga ada dua buah meja belajar di bilik kami. Di sinilah tempat kami membuat kerja rumah dan mengulang kaji pelajaran kami.

Saya dan Mail ada almari baju kami sendiri. Almari saya berada di sebelah kiri manakala almari Mail di sebelah kanan.

Setiap hari, saya dan Mail akan mengemas bilik kami. Kami suka bilik kami ini kemas dan teratur.